



IBU PEJABAT

**PERTUBUHAN KESELAMATAN SOSIAL
Menara PERKESO**

Tingkat 15, Cawangan Return To Work
Menara PERKESO,
No 155, Jalan Tun Razak,
50400 Kuala Lumpur
No.Tel. : 03-2687 2600
No.Faks: 03-2687 2633

**Laman Web: www.perkeso.gov.my
E-mel: perkeso@perkeso.gov.my**

Rujukan : PERKESO(ES).600-7/13/1()

Tarikh : 03 April 2019

Bahagian Hal Ehwal Pelajar
UNIVERSITI SELANGOR (UNISEL)

YBhg. Datuk/Dato'/Datin/Dr./Tuan/Puan,

**JEMPUTAN MENGHADIRI KARNIVAL PEKERJAAN SIP 2019 ANJURAN PERKESO PADA
15 & 16 APRIL 2019 DI NU SENTRAL, KUALA LUMPUR.**

Perkara di atas adalah dengan segala hormatnya dirujuk.

2. Sukacita dimaklumkan bahawa mulai 1 Januari 2019, Sistem Insurans Pekerjaan (SIP) telah dilaksanakan oleh PERKESO. Sistem ini bertujuan untuk membantu pekerja-pekerja yang telah kehilangan pekerjaan dengan bantuan penggantian pendapatan sementara melalui faedah – faedah dibawah SIP serta Program Penempatan Pekerjaan Semula PERKESO.

3. Program Penempatan Pekerjaan Semula PERKESO membantu pekerja yang telah kehilangan pekerjaan bagi membantu golongan ini untuk mendapatkan pekerjaan yang bersesuaian melalui padanan pekerjaan atau “job matching” yang dilakukan oleh Pegawai Perkhidmatan Pekerjaan PERKESO.

4. Sebagai satu inisiatif dalam membantu golongan pekerja ini, PERKESO akan menganjurkan satu karnival pekerjaan peringkat nasional pada 15 & 16 April 2019 di NU Sentral, Kuala Lumpur. Matlamat karnival ini adalah untuk menawarkan pekerjaan kepada lebih daripada 3000 pencari kerja yang dianggarkan akan hadir pada hari tersebut. Karnival ini juga terbuka kepada semua golongan pencari kerja.

5. Sehubungan itu, sukacita pihak PERKESO ingin menjemput pihak tuan/puan untuk menghadiri karnival pekerjaan EIS PERKESO 2019 ini. Butiran karnival pekerjaan tersebut adalah seperti berikut :

Tarikh : 15 April 2019 (Isnin) & 16 April 2019 (Selasa)

Masa : 09.00 pagi – 07.00 petang

Tempat: NU Sentral, Kuala Lumpur

6. Mohon kerjasama tuan/puan untuk menghebahkan maklumat program ini kepada semua pelajar akan menamatkan pengajian dan bekas pelajar yang sedang aktif mencari pekerjaan serta mereka-mereka yang boleh mendapat manfaat dari program ini. Pra pendaftaran atas talian bagi tujuan menghadiri karnival Pekerjaan ini boleh dibuat di pautan <https://eiskerjaya.perkeso.gov.my>.

Sebarang pertanyaan berkenaan perkara ini, sila hubungi pihak kami di talian **03-26174731 (Cik Syafiqah) / 017-3690128 (En Shopian)**. Segala perhatian dan kerjasama pihak tuan/puan amat dihargai.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah.



(GAYATHRI VADIVEL)

Ketua Cawangan Perkhidmatan Pekerjaan
Bahagian Perkhidmatan Pekerjaan
Pejabat Sistem Insurans Pekerjaan
b.p Ketua Eksekutif,
Pertubuhan Keselamatan Sosial.

“SIKAP TERBUKA, LAYANAN MESRA”